

14/10/2001

Paya Indah hadiah untuk rakyat

SEPANG: Perdana Menteri menyifatkan Taman Wetlands Paya Indah sebagai taman semula jadi yang unik serta melambangkan keseimbangan antara pembangunan dan pemuliharaan alam sekitar.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, Paya Indah boleh dianggap satu hadiah kepada negara oleh kerajaan untuk dijadikan kawasan tarikan baru kepada pelancong, terutama dari luar negara.

"Saya amat gembira kerana akhirnya Paya Indah sedia dibuka kepada pelawat untuk menikmati iklim yang luar biasa di sini.

"Ini satu-satunya tanah paya gambut yang mempunyai lapangan terbang, iaitu KLIA (Lapangan Terbang Antarabangsa Sepang)," katanya selepas merasmikan taman itu di Kuala Langat dekat sini, semalam.

Beliau berharap generasi muda menjadi Wetland sebagai tempat mempelajari alam semula jadi.

"Saya mahu Paya Indah akan menjadi sebahagian daripada pendidikan untuk generasi muda. Dengan itu, mereka dapat membentuk peribadi mereka dalam era teknologi moden dan canggih," katanya.

Beliau gembira taman itu dibangun tanpa memusnahkan keunikan flora dan faunanya, malah kerajaan sememangnya sudah lama mengamalkan pembangunan yang berkonsepkan keseimbangan alam.

Menurut Perdana Menteri, kerajaan harus berterima kasih kepada kerajaan Selangor yang bersetuju memberikan tanah seluas 3,000 hektar untuk dijadikan taman itu.

Taman itu mampu menampung 1,300 pelawat setiap hari dan dijangka menerima kunjungan lebih 200,000 orang dalam tahun pertama.

Taman yang diuruskan oleh Yayasan Wetlands Malaysia ini terletak kira-kira 50 kilometer dari Kuala Lumpur. Ia mempunyai 14 tasik yang kebanyakannya bekas lombong bijih timah dengan anggaran 43 juta liter air.

Dr Mahathir berkata, taman itu juga adalah tempat paling ideal bagi perkelahan keluarga dengan kos yang murah.

Katanya, pengunjung tempatan boleh menjadikan taman itu sebagai kawasan perkelahan hujung minggu dengan menjalankan kegiatan seperti menunggang kuda, berdayung, berkenu dan berbasikal.

"Sebagai contoh, kawasan ini adalah tempat paling murah di dunia untuk menunggang kuda berbanding negara lain yang begitu mahal.

"Malah, hari ini taman itu menjadi tempat kehidupan spesies yang jarang ditemui seperti ikan sepanjang dua meter dari Amazon, itik dari Moscow dan empat badak air dari Bostwana.

Empat badak air itu ialah pemberian daripada kerajaan Bostwana dengan Telekom Malaysia menyumbangkan RM750,000 bagi pembiayaan haiwan itu untuk tiga tahun.

(END)